



**ARAHAN TETAP
KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

**PANDUAN PAKAIAN SERAGAM PEMBANTU KESELAMATAN DAN
PENGAWAL KESELAMATAN KERAJAAN**

**PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Kandungan

Perkara	Muka Surat
Perutusan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan	3
1. Tujuan	4
2. Latar Belakang	4
3. Pemakaian	5
4. Etika Pakaian Seragam	6
5. Perihal Pakaian Seragam	7
6. Penutup	8
Lampiran 1 - Pakaian Seragam Kerja Lelaki	9
Lampiran 2 - Pakaian Seragam Kerja Wanita	10
Lampiran 3 - Perincian Spesifikasi Reka Bentuk Dan Aksesori Pakaian	11
Seragam Kerja	
Lampiran 4 - Pakaian Seragam Operasi Lelaki	20
Lampiran 5 - Pakaian Seragam Operasi Wanita	21
Lampiran 6 - Perincian Spesifikasi Reka Bentuk Aksesori Pakaian	22
Seragam Operasi	
Lampiran 7 - Lencana Pangkat	27

Perutusan

Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan

Bismillahhirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Arahan Tetap Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2023 – Panduan Pakaian Seragam Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan Kerajaan dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) selaku Ketua Perkhidmatan bagi Skim Keselamatan dan Pertahanan Awam (KP). Arahan Tetap ini dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan yang mempunyai keanggotaan Pembantu Keselamatan serta Pengawal Keselamatan dalam urusan pemakaian pakaian seragam.

Besar harapan saya agar dengan adanya panduan ini, ia akan menjadikan anggota Pembantu Keselamatan serta Pengawal Keselamatan lebih berketerampilan, kemas, berdisiplin dan dapat menaikkan imej Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan secara khususnya dan Perkhidmatan Awam secara amnya.

Sekian, terima kasih.



Rahimi bin Ismail

Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan

9 Mac 2023

1. TUJUAN

Arahan Tetap Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2023 – Panduan Pakaian Seragam Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan Kerajaan ini dikeluarkan untuk:

- 1.1 Panduan pemakaian pakaian seragam kepada Pembantu Keselamatan Gred KP19, KP22, KP26 dan KP28 serta Pengawal Keselamatan Gred KP11, KP14, KP16 dan KP18 di bawah tanggungjawab Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, CGSO selaku Ketua Perkhidmatan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2010 – Penetapan Ketua Perkhidmatan Bagi Skim Perkhidmatan Yang Sedang Berkuat Kuasa Dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan;
- 1.2 Memperincikan spesifikasi reka bentuk pakaian seragam kerja, pakaian seragam operasi dan aksesori; dan
- 1.3 Menjenama dan membentuk identiti Pakaian Seragam CGSO yang tersendiri dalam memberi perkhidmatan kawalan keselamatan di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan.

2. LATAR BELAKANG

CGSO mengeluarkan Arahan Tetap Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2015 – Panduan Pakaian Seragam Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan Kerajaan, mengenai panduan pakaian seragam kerja kepada semua Pembantu Keselamatan Gred KP17, KP22 dan KP26 serta Pengawal Keselamatan Gred KP11 dan KP14.

3. PEMAKAIAN

- 3.1 Pakaian seragam kerja terpakai kepada semua lapisan gred Pembantu Keselamatan serta Pengawal Keselamatan di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan;
- 3.2 Pakaian seragam operasi hanya terpakai kepada semua lapisan gred Pengawal Keselamatan di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan;
- 3.3 Arahan Tetap Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2023 – Panduan Pakaian Seragam Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan Kerajaan ini **tidak terpakai** kepada mana-mana Pembantu Keselamatan atau Pengawal Keselamatan yang telah ditauliahkan sebagai **Polis Bantuan** di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan;
- 3.4 Pembantu Keselamatan serta Pengawal Keselamatan di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan yang tidak memilih Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, CGSO sebagai Ketua Perkhidmatan **tidak dibenarkan** memakai pakaian seragam CGSO;
- 3.5 Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan hanya dibenarkan memakai pakaian seragam CGSO dalam tempoh melaksanakan tugas rasmi sahaja; dan
- 3.6 Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Jabatan Persekutuan adalah bertanggungjawab untuk memastikan pemakaian pakaian seragam kerja dan pakaian seragam operasi CGSO menepati panduan yang dikeluarkan.

4. ETIKA PAKAIAN SERAGAM

- 4.1 Sentiasa memakai pakaian seragam yang lengkap dalam tempoh penugasan;
- 4.2 Melindungi pakaian seragam dengan memakai jaket atau apa-apa pakaian seumpamanya adalah dilarang;
- 4.3 Keterampilan diri hendaklah sentiasa bersih dan kemas melambangkan imej perkhidmatan awam;
- 4.4 Rambut mestilah kemas dan disisir rapi. Potongan rambut yang *extreme*, eksentrik atau seumpamanya adalah dilarang;
- 4.5 Rambut lelaki hendaklah sentiasa pendek tidak menyentuh telinga dan kolar baju;
- 4.6 Potongan rambut wanita hendaklah sesuai dengan pemakaian *bowler hat* dan beret (bagi yang tidak memakai tudung);
- 4.7 Mengenakan solekan yang keterlaluan adalah dilarang;
- 4.8 Memakai perhiasan yang tidak sesuai dengan imej pakaian seragam adalah dilarang; dan
- 4.9 Cacah (*tattoo*) dalam sebarang bentuk dan warna pada mana-mana anggota badan adalah dilarang. Pengecualian hanya diberikan atas sebab-sebab adat setelah mendapat kebenaran Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Malaysia atau Ketua Jabatan.

5. PERIHAL PAKAIAN SERAGAM

- 5.1 Jenis pakaian seragam CGSO adalah seperti berikut:
 - 5.1.1 Pakaian seragam nombor satu (no.1) adalah Pakaian Seragam Kerja; dan
 - 5.1.2 Pakaian seragam nombor dua (no.2) adalah Pakaian Seragam Operasi.
- 5.2 Pakaian seragam kerja lelaki seperti di **Lampiran 1**;
- 5.3 Pakaian seragam kerja wanita seperti di **Lampiran 2**;
- 5.4 Perincian spesifikasi reka bentuk dan aksesori pakaian seragam kerja di **Lampiran 3**;
- 5.5 Pakaian seragam operasi lelaki seperti di **Lampiran 4**;
- 5.6 Pakaian seragam operasi wanita adalah seperti di **Lampiran 5**;
- 5.7 Perincian spesifikasi reka bentuk dan aksesori pakaian seragam operasi adalah seperti di **Lampiran 6**; dan
- 5.8 Lencana pangkat bagi pakaian seragam kerja dan pakaian operasi adalah seperti di **Lampiran 7**.

6. PENUTUP


Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini boleh di alamatkan kepada:-

Bahagian Keselamatan Fizikal dan Penilaian Teknikal
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras 1, Setia Perdana 7
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya Malaysia.

Nombor Telefon : 603-8072 6013
Nombor Faksimili : 603-8888 3258
Portal Rasmi : www.cgso.gov.my

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
9 Mac 2023


PAKAIAN SERAGAM KERJA LELAKI



Tatacara pemakaian:

1. Dipakai sebagai pakaian kerja harian oleh Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan;
2. Lencana pangkat hendaklah dipakai mengikut gred jawatan yang sedang berkuat kuasa;
3. Baju hendaklah *tuck in*;
4. Baju dalam (*Inner*) hendaklah berwarna hitam;
5. Stoking hendaklah berwarna hitam; dan
6. Pamakaian tali pinggang operasi boleh digunakan sekiranya pemakaian separa lengkap bagi aktiviti yang dibenarkan jabatan.

PAKAIAN SERAGAM KERJA WANITA



Tatacara pemakaian:

1. Dipakai sebagai pakaian kerja harian oleh Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan;
2. Lencana pangkat hendaklah dipakai mengikut gred jawatan yang sedang berkuat kuasa;
3. Bahagian bawah tudung hendaklah dimasukkan ke dalam baju;
4. Baju dalam (*Inner*) hendaklah berwarna hitam;
5. Stoking hendaklah berwarna hitam; dan
6. Pemakaian tali pinggang operasi boleh digunakan sekiranya pemakaian separa lengkap bagi aktiviti yang dibenarkan jabatan.

PERINCIAN SPESIFIKASI REKA BENTUK DAN AKSESORI PAKAIAN SERAGAM KERJA

Komponen / Aksesori	Perincian
 <p>Peak Cap Jata Negara Metal</p>	<p>1. Peak Cap</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Diperbuat daripada fabrik <i>wool</i> dengan pelapik di bahagian dalam; b. Berwarna hitam dengan lilitan kulit atau separa kulit; c. Logo Jata Negara jenis metal berwarna dengan ukuran 45 mm x 35 mm; dan d. Dipakai pada pakaian seragam kerja lelaki semasa program rasmi atau kawad.
 <p>Bowler Hat Jata Negara Metal</p>	<p>2. Bowler Hat</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Berwarna hitam dengan lilitan kulit atau separa kulit; b. Logo Jata Negara jenis metal berwarna berukuran 45 mm x 35 mm di bahagian tengah; dan c. Dipakai pada pakaian seragam kerja wanita semasa program rasmi atau kawad.
 <p>Beret Logo Jata Negara Metal</p>	<p>3. Beret</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Diperbuat daripada fabrik <i>wool</i>. b. Beret berwarna hitam dengan logo Jata Negara metal berwarna yang berukuran 45 mm x 35 mm; c. Turban berwarna hitam dengan logo Jata Negara metal berwarna yang berukuran 45 mm x 35 mm. (Bangsa Sikh); dan d. Dipakai pada pakaian seragam kerja lelaki dan wanita semasa tugas pejabat.

Komponen / Aksesori	Perincian
	<p>4. Baju Pakaian Seragam Kerja Lelaki</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Baju berkollar lengan pendek; b. 2 poket di bahagian kiri dan kanan yang mempunyai flip menegak dan penutup; c. Mempunyai tempat penyangkut <i>epaulette</i> di bahagian bahu kiri dan kanan; d. Pada atas penutup poket sebelah kiri di penjuru kanan perlu disediakan lubang sepanjang 20 mm; e. Pada poket sebelah kiri di penjuru kanan (bawah penutup poket) perlu disediakan lubang sepanjang 20 mm untuk wisel berantai logam; f. Kain berwarna hitam; g. Fabrik jenis hi – sofya kod warna: 001; h. Baju mempunyai 4 butang diameter 20 mm yang dipasang bermula dari atas menghadap hadapan manakala 2 butang plastik berwarna hitam dipasang pada turutan kelima dan keenam menghadap ke dalam; dan i. Mempunyai 2 butang diameter 16 mm pada poket sebelah kiri dan kanan.

Komponen / Aksesori	Perincian
	<p>5. Baju Pakaian Seragam Kerja Wanita</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Lengan panjang (<i>bush jacket</i>); b. 4 poket di depan dan penutup; c. Mempunyai tempat penyangkut <i>epaulette</i> di bahagian bahu kiri dan kanan; d. Pada penjuru kanan atas penutup poket kiri perlu disediakan lubang sepanjang 20 mm dan pada penjuru kanan poket (bawah penutup poket) juga perlu disediakan lubang sepanjang 20 mm untuk wisel berantai logam; e. Kain berwarna hitam; f. Fabrik jenis hi – sof / Kod warna: 001; g. Butang baju: <ul style="list-style-type: none"> i. 6 butang diameter 20 mm diperbuat daripada metal, berwarna emas dengan tulisan perkataan CGSO untuk bahagian hadapan; dan ii. 4 butang diameter 16 mm diperbuat daripada metal, berwarna emas dengan tulisan perkataan CGSO untuk poket hadapan.

Komponen / Aksesori	Perincian
 	<p>6. Seluar Pakaian Seragam Kerja Lelaki Dan Wanita</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Kain berwarna hitam; b. Fabrik jenis hi – sof. Kod warna: 001; c. 3 poket iaitu 2 di depan (<i>slash front pocket</i>) dan 1 di belakang (<i>welted back pocket</i>); d. Tempat tali pinggang perlu disediakan untuk kegunaan tali pinggang jenis <i>nylon</i> dan tali pinggang operasi.

Komponen / Aksesori	Perincian
	<p>7. <i>Epaulette Pakaian Seragam Kerja</i></p> <ul style="list-style-type: none"> a. Diperbuat daripada kain baldu berwarna hitam dengan jalur <i>stripe</i> disulam berwarna emas dan ditulis dengan perkataan CGSO pada hujung <i>epaulette</i>; b. Pada hujung sebelah atas terdapat butang diameter 16 mm diperbuat daripada metal, berwarna emas dengan tulisan perkataan CGSO; c. Di sebelah belakang <i>epaulette</i> terdapat klip dan penyangkut untuk disangkut di bahu baju yang diperbuat daripada logam tahan karat; d. Panjang <i>epaulette</i>: 120 mm; e. Lebar <i>epaulette</i>: 45 mm; f. Huruf CGSO (tinggi): 11 mm; g. Huruf CGSO (lebar): 10 mm; h. Lebar jalur <i>stripe</i> berwarna emas: 11 mm; i. Panjang besi di bahagian belakang: 105 mm; dan j. Panjang penyangkut di bahagian belakang: 50 mm.


Komponen / Aksesori	Perincian
 Pandangan Hadapan	<p>8. Lencana Kolar</p> <p>Diperbuat daripada metal berbentuk bulat, berwarna emas dengan tulisan CGSO berukuran diameter 16 mm. Di bahagian belakang terdapat satu pin untuk disematkan di kolar baju.</p> 
	<p>9. Lencana Integriti</p> <ol style="list-style-type: none"> Diperbuat daripada metal berwarna emas berlogo CGSO berwarna di tengah-tengah lencana berukuran 65 mm x 60 mm dengan pin melintang di bahagian belakang. Berat lencana - 33 gram; dan Lencana Integriti CGSO diletakkan sebelah kanan dada 50 mm dari aras poket.
	<p>10. Tanda Nama</p> <ol style="list-style-type: none"> Berlatar belakang warna hitam, tulisan berwarna putih dengan saiz 75 mm x 25 mm; dan Diletakkan 10 mm atas pada poket sebelah kanan baju.

Komponen / Aksesori	Perincian
 	<p>11. Logo Kementerian / Jabatan / Agensi</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Logo Kementerian / Jabatan / Agensi - disulam pada kain dan dijahit pada lengan baju sebelah kiri 50 mm dari <i>epaulette</i>; b. Saiz logo 65 mm x 90 mm; dan c. Pemakaian logo Kementerian / Jabatan / Agensi berdasarkan reka bentuk jabatan.
	<p>12. Wisel Berantai Logam</p> <p>Diperbuat daripada jenis logam berwarna perak dan tahan karat.</p>
 	<p>13. Butang</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Diperbuat daripada metal berwarna emas dengan tulisan perkataan CGSO; b. Butang besar berukuran diameter diameter 20 mm; dan c. Butang kecil berukuran diameter 16 mm.

Komponen / Aksesori	Perincian
	<p>14. Tali Pinggang Nylon</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Diperbuat daripada jenis <i>nylon</i> berwarna hitam dengan ketinggian 30 mm atau tidak melebihi 35 mm; b. Kepala tali pinggang (<i>buckle</i>) diperbuat daripada metal berwarna emas 50 mm x 35 mm; c. Tulisan ‘CGSO’ hendaklah <i>diembossed</i> / dilekatkan di kepala tali pinggang (<i>buckle</i>) dengan diameter 30 mm; dan d. Hujung tali pinggang dikemaskan dengan metal 12 mm x 30 mm atau tidak melebihi 35 mm.
	<p>15. Kasut Lelaki Dan Wanita</p> <p>Kasut potong bertali yang diperbuat daripada kulit berwarna hitam dan bertumit.</p>
	<p>16. Kasut Wanita</p> <p>Kasut potong tidak bertali yang diperbuat daripada kulit berwarna hitam dan bertumit.</p>

Komponen / Aksesori	Perincian
	<p>17. Tudung</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Berwarna hitam; b. Tudung adalah komponen aksesori pilihan kepada anggota wanita; dan c. Kain jenis <i>lycra</i>.


PAKAIAN SERAGAM OPERASI LELAKI



Tatacara pemakaian:

1. Dipakai sebagai pakaian tugas operasi oleh Pengawal Keselamatan;
2. Lencana pangkat hendaklah dipakai mengikut gred jawatan yang sedang berkuat kuasa;
3. Baju hendaklah *tuck in*;
4. Baju dalam (*inner*) hendaklah berwarna hitam; dan
5. Stoking hendaklah berwarna hitam.

PAKAIAN SERAGAM OPERASI WANITA



Tatacara pemakaian:

1. Dipakai sebagai pakaian tugas operasi oleh Pengawal Keselamatan;
2. Lencana pangkat hendaklah dipakai mengikut gred jawatan yang sedang berkuat kuasa;
3. Bahagian bawah tudung hendaklah dimasukkan ke dalam baju;
4. Baju dilepaskan keluar dan tali pinggang operasi dipakai di atas baju;
5. Baju dalam (*Inner*) hendaklah berwarna hitam; dan
6. Stoking hendaklah berwarna hitam.

**PERINCIAN SPESIFIKASI REKA BENTUK DAN AKSESORI PAKAIAN SERAGAM
OPERASI**

Komponen / Aksesori	Perincian
 Beret Logo Jata Negara Sulam	1. Beret <ul style="list-style-type: none"> a. Diperbuat daripada fabrik wool; b. Beret berwarna hitam dengan logo Jata Negara sulam berwarna yang berukuran 45 mm x 35 mm; dan c. Turban berwarna hitam dengan logo Jata Negara berwarna sulam yang berukuran 45 mm x 35 mm. (Bangsa Sikh)
 Baju Pakaian Seragam Operasi Lelaki	2. Baju Pakaian Seragam Operasi Lelaki Dan Wanita <ul style="list-style-type: none"> a. Baju berkolar lengan pendek atau lengan panjang bagi anggota lelaki; b. Baju berkolar lengan panjang bagi anggota wanita; c. 2 poket di bahagian kiri dan kanan yang mempunyai penutup; d. Mempunyai sarung epaulette di bahagian bahu kiri dan kanan; e. Kain berwarna hitam; f. Fabrik jenis Ripstop. Kod Warna :SV-B003; dan g. Baju mempunyai 6 butang plastik berwarna hitam.

Komponen / Aksesori	Perincian
	<p>3. Seluar Pakaian Seragam Operasi Lelaki Dan Wanita</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Kain berwarna hitam; b. Fabrik jenis Ripstop. Kod Warna :SV-B003; c. 2 poket iaitu 2 di depan (<i>slash front pocket</i>); d. 2 poket di bahagian tepi paras paha; e. 2 poket di bahagian belakang; f. Tempat tali pinggang perlu disediakan untuk kegunaan tali pinggang jenis <i>nylon</i> dan tali pinggang operasi (<i>duty belt</i>); dan g. Hujung kaki seluar dicerut getah.
	<p>4. Epaulette Pakaian Seragam Operasi</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Diperbuat daripada kain berwarna hitam dengan jalur <i>stripe</i> disulam berwarna emas dan ditulis dengan perkataan CGSO pada hujung <i>epaulette</i>; b. <i>Epaulette</i> jenis sarung; c. Panjang <i>epaulette</i>: 112 mm; d. Lebar <i>epaulette</i> (bahagian dalam) : 52 mm; e. Lebar <i>epaulette</i> (bahagian luar) : 65 mm; f. Huruf CGSO (tinggi): 15 mm; g. Huruf CGSO (lebar): 12 mm; dan h. Lebar jalur <i>stripe</i> berwarna emas: 11 mm.



Komponen / Aksesori	Perincian
	<p>5. Tanda Nama Bersulam Jenis Velcro</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Berlatar belakang kain warna hitam, di sulam dengan tulisan berwarna perak; b. Saiz 124 mm x 26 mm; c. Saiz tulisan dengan ketinggian 11 mm; dan d. Diletakkan pada poket sebelah kanan baju.
	<p>6. Tag "CGSO" Bersulam Jenis Velcro</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Berlatar belakang kain warna hitam, di sulam dengan tulisan berwarna perak; b. Saiz 124 mm x 26 mm; c. Saiz tulisan dengan ketinggian 11 mm; dan d. Diletakkan pada poket sebelah kiri baju.
	<p>7. Logo Kementerian / Jabatan / Agensi</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Logo Kementerian / Jabatan / Agensi disulam pada kain dan dijahit pada lengan baju sebelah kanan 50 mm dari epaulette; dan b. Saiz logo 65 mm x 90 mm; dan c. Pemakaian logo Kementerian / Jabatan / Agensi berdasarkan reka bentuk jabatan.

Komponen / Aksesori	Perincian
	<p>8. Tali Pinggang Operasi (<i>Duty Belt</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Diperbuat daripada bahan jenis <i>nylon</i> berwarna hitam dengan ketinggian 50 mm atau tidak melebihi 55 mm; b. Kepala tali pinggang (<i>buckle</i>) diperbuat daripada bahan plastik berwarna hitam; dan c. Tulisan ‘CGSO’ hendaklah jenis laser pada kepala tali pinggang (<i>buckle</i>) dengan diameter 35 mm.
	<p>9. T-Baton</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Diperbuat daripada bahan logam, plastik dan getah yang berkualiti; b. Reka bentuk seperti gambar; dan c. Dipakai bersama dengan sarung pada tali pinggang operasi.
	<p>10. Kasut Operasi</p> <p>Kasut jenis <i>high cut</i> bertali.</p>

Komponen / Aksesori	Perincian
	<p>11. Tudung</p> <ul style="list-style-type: none">a. Berwarna hitam; danb. Tudung adalah komponen aksesori pilihan kepada anggota wanita.

LENCANA PANGKAT

1. Pakaian Seragam Kerja

BIL	TANDA PANGKAT	JAWATAN / GRED
1		Pembantu Keselamatan Gred KP28
2		Pembantu Keselamatan Gred KP26
3		Pembantu Keselamatan Gred KP22
4		Pembantu Keselamatan Gred KP19
5		Pengawal Keselamatan Gred KP18
6		Pengawal Keselamatan Gred KP16
7		Pengawal Keselamatan Gred KP14
8		Pengawal Keselamatan Gred KP11

2. Pakaian Seragam Operasi

BIL	TANDA PANGKAT	JAWATAN / GRED
1		Pengawal Keselamatan Gred KP18
2		Pengawal Keselamatan Gred KP16
3		Pengawal Keselamatan Gred KP14
4		Pengawal Keselamatan Gred KP11